

U B978 BAH
MAHATHIR - PERPADUAN

IPOH, 10 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, ORANG MELAYU HARUS MENGETAHUI SEJARAH DAN SEMANGAT SEBENAR YANG TELAH MENGASASKAN UMNO SUPAYA MEREKA TIDAK TERTIPU OLEH KUMPULAN SERPIHAN YANG KONONNYA MEMPERJUANGKAN +SEMANGAT+ ORANG MELAYU PADA TAHUN 1946.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA SEMANGAT SEBENAR PADA TAHUN 1946 IALAH UNTUK MENGUKUH DAN MENYATUPADUKAN ORANG MELAYU TANPA MENGIRA IDEOLOGI POLITIK, ASAL USUL DAN DARI NEGERI MANA MEREKA DATANG.

ORANG MELAYU YANG TERDIRI DARIPADA PELBAGAI PERTUBUHAN SOSIAL, POLITIK, BADAN PENULIS DAN SEBAGAINYA DENGAN BERBEKALKAN SEMANGAT UNTUK BERSATU PADU DAN MENGUKUHKAN KEDUDUKAN MEREKA, TELAH BERHIMPUN DI KELAB SULTAN SULEIMAN UNTUK MENGASASKAN UMNO.

ORANG MELAYU HARUS INGAT BAHAWA MEREKA YANG DAHULUNYA MISKIN DAN LEMAH DALAM SEGALA BIDANG, KINI BERJAYA MENGUBAH KEDUDUKAN MEREKA MENERUSI UMNO DENGAN BERPEGANG KEPADA SEMANGAT TERSEBUT, KATANYA KETIKA BERUCAP MERASMIKAN PAMERAN SEJARAH PERKEMBANGAN UMNO PERAK DI SINI HARI INI.

JIKA ORANG MELAYU TIDAK MENGETAHUI SEJARAH INI, MAKA MEREKA AKAN MENERIMA DAKWAAN ORANG YANG BERKEPENTINGAN DARIPADA SATU KUMPULAN SERPIHAN YANG MENGATAKAN KONONNYA SEMANGAT 1946 IALAH UNTUK BEKERJASAMA DENGAN DAP DAN PAS, KATA BELIAU. -- LAGI.
1431MST 10 03 90

U B979 BAH
MAHATHIR - PERPADUAN 2 IPOH

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, HASIL PERJUANGAN UMNO YANG TERUS BERPEGANG KEPADA SEMANGAT SEBENAR 1946, BERJAYA MELAHIRKAN KERAJAAN YANG KUKUH, MENJAMIN KEHARMONIAN RAKYAT BERBILANG KAUM DAN MENYUMBANGKAN KEPADA PEMBANGUNAN PESAT NEGARA.

JIKA DIBANDINGKAN DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN YANG BERBILANG KAUM DAN YANG MENCAPAI KEMERDEKAAN SAMA DENGAN NEGARA INI, MALAYSIA YANG MEMPUNYAI LEBIH BANYAK MASALAH DARIPADA MEREKA, BERJAYA MEMBANGUN DENGAN PESAT KERANA SEMANGAT PERPADUAN, KATA BELIAU.

+KALAU HENDAK BERCAKAP TENTANG SEMANGAT 1946, SEMANGAT ITU IALAH SEMANGAT PERPADUAN. TIDAK ADA NIAT KITA UNTUK BEKERJASAMA DENGAN KAUM-KAUM LAINPUN PADA KETIKA ITU.

+KEMUDIAN PADA TAHUN 1952, BARULAH WUJUD PERIKATAN, BARULAH WUJUD KERJASAMA ANTARA ORANG UMNO DAN MCA. TETAPI PADA TAHUN 1946, TIDAK ADA FIKIRAN UNTUK BEKERJASAMA DENGAN KAUM-KAUM LAIN.... YANG PENTING IALAH UNTUK MENGUKUHKAN ORANG MELAYU DAHULU,+ TAMBAHNYA.

+TETAPI ADA ORANG BERKATA SEMANGAT 1946 IALAH UNTUK BEKERJASAMA DENGAN DAP DI PANTAI BARAT DAN PAS DI PANTAI TIMUR.

+APA YANG DIKATAKAN PADA DAP DI PANTAI BARAT JANGAN BAGI TAHU PAS DI PANTAI TIMUR DAN APA YANG DIKATAKAN PADA PAS DI PANTAI TIMUR, JANGAN BAGI DENGAR PADA DAP DI PANTAI BARAT,+ UJAR BELIAU. -- LAGI.
1434MST 10 03 90

U B980 BAH
MAHATHIR - PERPADUAN 3 IPOH

+PENIPUAN SEMACAM ITU TIDAK MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA SEMANGAT CINTAKAN BANGSA PADA TAHUN 1946,+ UJAR DATUK SERI DR MAHATHIR.

JIKA ORANG MELAYU TIDAK TAHU SEJARAH UMNO, MEREKA MUNGKIN MENERIMA DAKWAAN ORANG YANG BERKEPENTINGAN KONONNYA SEMANGAT 1946 IALAH BEKERJASAMA DENGAN MEREKA YANG SAMA SEKALI TIDAK MAHU MENERIMA KEISTIMEWAAN ORANG MELAYU DAN DENGAN ORANG YANG SUATU MASA DAHULU MENGKAFIRKAN ORANG ISLAM YANG LAIN, TEGASNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, SEMANGAT ORANG MELAYU BERSATU PADU DI BAWAH UMNO JUGA TELAH BERJAYA MEMATAHKAN PERJUANGAN GERILA KOMUNIS DI NEGARA INI.

MENURUTNYA, KETIKA BELIAU MENEMUI PEMIMPIN KULIT HITAM, NELSON MANDELA DI LUSAKA BARU-BARU INI, PEMIMPIN ITU MENYATAKAN RASA HAIRAN BAGAIMANA PEMBERONTAKAN GERILA KOMUNIS BOLEH KALAH DI MALAYSIA, SEDANGKAN RATA-RATA PERJUANGAN GERILA KOMUNIS DI NEGARA-NEGARA LAIN BERJAYA.

BELIAU MEMBERITAHU MANDELA BAHAWA GERILA APAPUN TIDAK BOLEH MENANG KALAU TIDAK DAPAT MENAWAN HATI DAN FIKIRAN RAKYAT. -- LAGI.
1440MST 10 03 90

D197

U B984 BAH
MAHATHIR - PERPADUAN 4 IPOH

KOMUNIS KALAH DI MALAYSIA SEBAB UMNO YANG MEWAKILI RAKYAT TELAH MERESAPI DIRI DAN HATI RAKYAT SUPAYA MEREKA FAHAM BAHAWA MELALUI PARTI ITULAH RAKYAT AKAN MENCAPAI CITA-CITA MEREKA, TAMBAH BELIAU.

KEYAKINAN INI JUGA DIPEGANG OLEH ORANG BUKAN MELAYU YANG BANYAK MENDAPAT NIKMAT DARIPADA PERJUANGAN UMNO YANG BERDASARKAN KEPADA KESERDEHANAAN DAN TIDAK TAMAK KEPADA KUASA, UJARNYA LAGI.

BELIAU JUGA MENERANGKAN KEPADA MANDELA BAHAWA MALAYSIA BOLEH MEMBANGUN DENGAN PESAT DAN AMAN KERANA KAUM-KAUM BOLEH MENUBUHKAN PARTI POLITIK DAN BERGABUNG DALAM PERIKATAN DAN KINI BARISAN NASIONAL. DENGAN ADANYA PAKATAN INI, SEMUA KAUM DIWAKILI DALAM KERAJAAN.

+KALAU KITA PILIH UNTUK MEREbut SEMUANYA UNTUK KITA, MUNGKIN NEGARA TIDAK AMAN DAN PIHAK KOMUNIS AKAN DAPAT SOKONGAN DARIPADA ORANG BUKAN MELAYU.

+TETAPI PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO DAHULU DENGAN BIJAKNYA TELAH MEMBENTUK JENIS KERJASAMA DENGAN KAUM-KAUM LAIN DENGAN TIDAK MENGHILANGKAN IDENTITI ORANG MELAYU TETAPI MENJAMIN KEAMANAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENYIFATKAN TIGA KUMPULAN SERPIHAN DARIPADA UMNO SEBAGAI DURI DALAM DAGING.

+KITA TIDAK AKAN MATI TETAPI SAKIT JUGALAH, KACAU SAHAJA DAN TERPAKSA MENCABUT DURI SEPANJANG MASA DAN TIDAK BOLEH BUAT KERJA LAIN,+ KATANYA. -- BERNAMA.

1458MST 10 03 90

D194